

13 JUN 2003

Syed Hamid-Turki/I

TURKI MAHU HUBUNGAN LEBIH AKRAB DENGAN M'SIA

PUTRAJAYA, 13 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Turki akan menyaksikan hubungan dua hala yang lebih akrab dalam pelbagai bidang ekoran minat Ankara untuk mencontohi model ekonomi Kuala Lumpur yang dianggapnya sangat berjaya.

Pertemuan antara Perdana Menteri kedua-dua negara itu di sini, hari ini, jelas menunjukkan komitmen untuk memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang-bidang seperti politik, perdagangan dan pelaburan, tenaga, air, pengurusan dan pelancongan.

Semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai intipati pertemuan antara Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan dan rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Erdogan juga telah mempelawa firma-firma Malaysia untuk menyertai program penswastaan Turki.

"Kedua-dua pemimpin mahu kerjasama dilaksanakan dalam cara yang bermakna untuk mewujudkan hubungan yang kekal lama," dan menambah kata pertemuan antara kedua-dua pihak adalah mesra.

Erdogan tiba di sini pada pagi ini bagi lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, antara negara awal dilawatnya selepas mula berkuasa pada Mac lepas.

Syed Hamid berkata memandangkan pelancongan telah dikenalpasti sebagai bidang utama kerjasama, pihak-pihak yang berkaitan harus mewujudkan lebih banyak aktiviti berkaitan pelancongan.

Dalam hal ini, beliau berkata Malaysia telah meminta Syarikat Penerbangan Turki, iaitu syarikat penerbangan rasmi negara itu untuk menyambung semula operasinya ke Kuala Lumpur selepas dihentikan kerana keadaan ekonomi yang menjadi penghalang.

"Mereka bersetuju untuk mengkaji peraturan perkongsian kod antara Syarikat Penerbangan Turki dan Penerbangan Malaysia (MAS)," katanya.

Sempena dengan lawatannya itu, Ankara dan Kuala Lumpur menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU mengenai kerjasama dua hala dalam sektor tenaga dan air yang termasuk pengurusan sistem kumbahan dan sanitasi.

MoU itu ditandatangani oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Pengangkutan Turki Binali Yildirim dengan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Erdogan.

Selain daripada itu, Syed Hamid berkata Malaysia juga berminat untuk memasarkan minyak sawitnya di Turki dan telah menyatakan persetujuannya untuk menyediakan kredit bagi syarikat-syarikat Turki yang berminat.

Sementara itu, beliau berkata kedua-dua pemimpin berkongsi pandangan lebih kurang sama mengenai isu-isu antarabangsa seperti perkembangan di Asia Barat dan Iraq.

Dr Mahathir, katanya, telah menjemput Turki ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya pada Oktober.

Syed Hamid juga berkata bahawa Erdogan telah meminta bantuan Malaysia dalam mendekatkan Turki dengan Asean, iaitu satu perkumpulan 10 negara Asia Tenggara.

Semasa menjawab pertanyaan pemberita kemudian, Syed Hamid berkata Erdogan memaklumkan kepada Dr Mahathir yang beliau mahu melihat peta jalan keamanan antara Palestin dan Israel menempuh kejayaan.

Pemimpin Turki itu juga ada berkata yang Menteri Luarnya akan melawat Israel dan Palestin ekoran perkembangan yang membimbangkan di situ, kata Syed Hamid.

Berhubung Iraq, Syed Hamid berkata, Turki mahu melihat kedaulatan wilayah Iraq dihormati dan akhirnya sebuah kerajaan Iraq yang mewakili rakyat negara itu diasaskan atas prinsip demokrasi.

"Sebagai jiran kepada Iraq, mereka menganggap keamanan dan kestabilan di kawasan itu sebagai sama penting demi kesejahteraan Turki sendiri," kata beliau lagi.

Ditanya mengenai pandangan Dr Mahathir peta jalan keamanan itu, Syed Hamid berkata Malaysia berpendirian jika rakyat Palestin menyokongnya, maka Malaysia akan menyokong inisiatif itu.

"Pendirian kita ialah kita menyokong peta jalan itu sebagai kaedah mencapai keamanan walaupun ia mungkin tidak memenuhi sepenuhnya hasrat rakyat Palestin, selagi ia menghentikan keganasan dan membawa kedua-dua pihak ke meja rundingan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MAM MAM PR